

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG  
[ BUKIT MERTAJAM ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTAJAM ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perincian Pelan Pelaksanaan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (The National Fibreisation and Connectivity Plan) di Sabah dan Sarawak, rancangan mengikut daerah, dan garis masa projek-projek.

**JAWAPAN****Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara dan seluruh dunia amnya pada masa kini, perubahan norma baharu pasca COVID-19 telah menyaksikan perubahan ketara corak penggunaan Internet oleh masyarakat. Maka, bagi mempertingkatkan tahap kesalinghubungan serta kualiti pengalaman perkhidmatan komunikasi di seluruh negara, satu pelan untuk menambah baik infastruktur digital yang dikenali sebagai Jalinan Digital Negara atau JENDELA telah dibangunkan dengan mengambil perancangan yang telah ada dan telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 29 Ogos lalu.

Di bawah inisiatif pelan JENDELA melalui dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS), bagi negeri Sabah, sebanyak 382 menara baharu dan 924 alat pemancar komunikasi sedia ada telah dirancang dengan perkhidmatan 4G dan akan dibuat secara berperingkat dari tahun 2020 sehingga 2022 seperti senarai lokasi jadual di bawah.

<b>Perancangan Menara Baharu</b>		
<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Menara</b>
1	Beaufort	9
2	Beluran	52
3	Keningau	24
4	Kinabatangan	29
5	Kota Belud	6
6	Kota Kinabalu	2
7	Kota Marudu	33
8	Kuala Penyu	5
9	Kudat	14
10	Kunak	3
11	Lahad Datu	14

<b>Perancangan Menara Baharu</b>		
<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Menara</b>
12	Nabawan	23
13	Papar	4
14	Penampang	6
15	Pitas	8
16	Putatan	1
17	Ranau	26
18	Sandakan	6
19	Semporna	12
20	Sipitang	2
21	Tambunan	13
22	Tawau	16
23	Tenom	15
24	Tongod	26
25	Tuaran	27

<b>Perancangan Penaiktarafan Alat Pemancar</b>		
<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Menara</b>
1	Beaufort	46
2	Beluran	73
3	Keningau	81
4	Kinabatangan	66
5	Kotabelud	18
6	Kota Kinabalu	2
7	Kota Marudu	38
8	Kuala Penyu	22
9	Kudat	27
10	Kunak	29
11	Lahad Datu	122
12	Nabawan	28

<b>Perancangan Penaiktarafan Alat Pemancar</b>		
<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Menara</b>
13	Papar	7
14	Penampang	2
15	Pendalaman	31
16	Pitas	29
17	Ranau	60
18	Sandakan	25
19	Semporna	16
20	Sipitang	43
21	Tambunan	25
22	Tawau	55
23	Tenom	32
24	Tongod	36
25	Tuaran	11

Manakala bagi negeri Sarawak pula, sebanyak 636 menara baharu dan 1,043 alat pemancar komunikasi sedia ada telah dirancang dengan perkhidmatan 4G dan tempoh pelaksanaan juga adalah dari tahun 2020 hingga 2022.

<b>Perancangan Menara Baharu</b>		
<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Menara</b>
1	Asajaya	3
2	Bau	9
3	Belaga	17
4	Beluru	29
5	Betong	12
6	Bintulu	6
7	Bukit Mabong	23
8	Dalat	6

Perancangan Menara Baharu		
Bil	Daerah	Jumlah Menara
9	Daro	6
10	Julau	21
11	Kabong	6
12	Kanowit	9
13	Kapit	19
14	Kuching	13
15	Lawas	13
16	Limbang	32
17	Lubok Antu	25
18	Lundu	7
19	Maradong	12
20	Marudi	22
21	Matu	5
22	Miri	2
23	Mukah	18
24	Pakan	19
25	Pusa	2
26	Samarahan	3
27	Saratok	13
28	Sarikei	16
29	Sebauh	23
30	Selangau	19
31	Serian	18
32	Sibu	23
33	Simunjan	15
34	Song	16
35	Sri Aman	13
36	Subis	14
37	Tanjung Manis	1

<b>Perancangan Menara Baharu</b>		
<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Menara</b>
38	Tatau	17
39	Tebedu	10
40	Telang Usan	96

<b>Perancangan Penaiktarafan Alat Pemancar</b>		
<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Menara</b>
1	Asajaya	4
2	Bau	46
3	Belaga	23
4	Beluru	19
5	Betong	47
6	Bintulu	27
7	Bukit Mabong	6
8	Dalat	7
9	Daro	14
10	Julau	14
11	Kabong	17
12	Kanowit	23
13	Kapit	15
14	Kuching	24
15	Lawas	35
16	Limbang	42
17	Lubok Antu	21
18	Lundu	57
19	Maradong	20
20	Marudi	17
21	Matu	10
22	Miri	25
23	Mukah	49

<b>Perancangan Penaiktarafan Alat Pemancar</b>		
<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Menara</b>
24	Pakan	13
25	Pusa	12
26	Samarahan	4
27	Saratok	24
28	Sarikei	44
29	Sebauh	17
30	Selangau	27
31	Serian	62
32	Sibu	29
33	Simunjan	27
34	Song	9
35	Sri Aman	104
36	Subis	49
37	Tanjung Manis	10
38	Tatau	22
39	Tebedu	18
40	Telang Usan	10

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah pembinaan menara baharu dan penaiktarafan alat pemancar sedia ada kepada liputan 4G ini akan disesuaikan dari semasa ke semasa. Tambahan pula terdapat juga inisiatif penambahbaikan perkhidmatan talian tetap dan mudah alih yang akan dilaksanakan secara komersial oleh pihak pemberi perkhidmatan dalam tempoh yang sama.

Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.